



MAJLIS ISLAM SARAWAK

MAJLIS ISLAM SARAWAK

ARAS 16 & 17,
MAJMA' TUANKU ABDUL HALIM MU'ADZAM SHAH,
JALAN P.RAMLEE,
93400 KUCHING, SARAWAK.

Emel : mis50@sarawak.gov.my
Laman Web : www.mis.sarawak.gov.my

PEJABAT YANG DIPERTUA
TEL :082-507214 FAKS :082-507240

PEJABAT SETIAUSAHA
TEL :082-507215 FAKS :082-507241

TALIAN AM
TEL :082-507251/507250 FAKS:082-507254

Rujukan kami : JAIS/KIM/PMS/700-2/1/3 ()
Tarikh : 09 Julai 2021

SEMUA Pengerusi Jawatankuasa Pengurusan Masjid dan SEMUA Pegawai Masjid di Seluruh Negeri Sarawak

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Yang Berbahagia Datuk/Datu/Dato/ Tuan/Puan,

PEKELILING HAL EHWAL MASJID BIL 4/2021 : PENAHANAN DAN PEMBERHENTIAN ELUAN DAN IMBUHAN PEGAWAI MASJID AKIBAT GAGAL MENGEMUKAKAN LAPORAN BERTUGAS

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Hal Ehwal Masjid dan Tanah Perkuburan - Majlis Islam Sarawak Kali Ke-49 Bil. 6/2021 pada 14 Jun 2021 mengambil maklum bahawa terdapat kesukaran menuntut lebih bayaran elaun dan imbuhan Pegawai Masjid akibat kelewatan makluman kematian atau peletakan jawatan dan tiada rekod laporan bertugas Pegawai Masjid serta bersetuju memutuskan arahan penahanan atau pemberhentian elaun dan imbuhan sekiranya laporan bertugas tidak dihantar.

3. Sehubungan itu, semua Jawatankuasa Pengurusan Masjid dan Pegawai Masjid hendaklah memastikan setiap pegawai menghantar Laporan Bertugas Pegawai Masjid sebagaimana yang telah ditetapkan dalam Pekeliling Hal Ehwal Masjid Bil. 2/2020 bertarikh 12 Ogos 2020 dipatuhi. Jika mana-mana Jawatankuasa Pengurusan Masjid dan Pegawai Masjid **gagal menghantar laporan tersebut dalam tempoh dua bulan berturut-turut** tindakan-tindakan berikut akan diambil:

- a) Penahanan elaun dan imbuhan hendaklah dibuat oleh Pegawai Agama Islam Bahagian atau Bahagian Kemajuan Institusi Masjid, Jabatan Agama Islam Sarawak.
- b) Elaun dan imbuhan boleh bayar semula sekiranya laporan diterima.
- c) Pemberhentian elaun dan imbuhan boleh dibuat dengan syor Pegawai Agama Islam Bahagian atau Bahagian Kemajuan Institusi Masjid kepada Jawatankuasa Pengurusan Hal Ehwal Masjid dan Tanah Perkuburan - Majlis Islam Sarawak.

4. Bersama ini dikepilkan Pekeliling Bil. 2/2020 untuk rujukan dan tindakan pihak tuan selanjutnya.

Sekian, terima kasih.

“PEMACU KECEMERLANGAN UMMAH”

“BERSATU BERUSAHA BERBAKTI”

“AN HONOUR TO SERVE”

(HAJI KHALIDI BIN HAJI IBRAHIM)

Setiausaha

Majlis Islam Sarawak

s.k: Semua Pegawai Agama Islam Bahagian – Mohon kerjasama pihak Tuan untuk mengemukakan pekeliling ini kepada semua Pengerusi Jawatankuasa Pengurusan Masjid di bahagian masing-masing



MAJLIS ISLAM SARAWAK

MAJLIS ISLAM SARAWAK

ARAS 16 & 17,
MAJMA' TUANKU ABDUL HALIM MU'ADZAM SHAH,
JALAN P.RAMLEE,
93400 KUCHING, SARAWAK.

Emel : mis50@sarawak.gov.my
Laman Web : www.mis.sarawak.gov.my

PEJABAT YANG DIPERTUA
TEL :082-507214 FAKS :082-507240

PEJABAT SETIAUSAHA
TEL :082-507215 FAKS :082-507241

TALIAN AM
TEL :082-507251/507250 FAKS:082-507254

Rujukan Kami: JAIS/KIM/PMS/700-2/1/3 (02)
Tarikh: 12 Ogos 2020

SEMUA PENERUSI JAWATANKUASA PENGURUSAN MASJID SELURUH NEGERI SARAWAK

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Yang Berbahagia Datuk/Tuan/Puan,

PEKELILING HAL EHWAL MASJID BIL 2/2020 : PELAPORAN BERTUGAS PEGAWAI MASJID

Dengan segala hormatnya saya merujuk perkara di atas.

2. Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Hal Ehwal Masjid Dan Tanah Perkuburan - Majlis Islam Sarawak Kali Ke-39 Bil. 4/2020 bertarikh 17 Julai 2020 telah memutuskan supaya semua Jawatankuasa Pengurusan Masjid bagi masjid-masjid Gred I, II, III dan IV (SPPM) seluruh Negeri Sarawak untuk mengemukakan Laporan Bertugas Pegawai Masjid kepada Majlis Islam Sarawak pada setiap 10 hari bulan berikutnya.

3. Sehubungan itu, semua Jawatankuasa Pengurusan Masjid berkenaan adalah diarahkan untuk melaksanakan tindakan-tindakan berikut :-


- a) Mengisi maklumat laporan bertugas pegawai masjid menggunakan **Borang Bertugas Pegawai Masjid (JAIS-PK-BKIM-02/01)**;
- b) Pastikan borang ditandatangani;
- c) Mengimbas (scan) borang dalam format pdf atau imej (jpeg/png); dan
- d) Mengemukakan laporan bertugas pegawai masjid secara dalam talian melalui **kiswa.sarawak.gov.my** di bawah Modul Pelaporan Bertugas Pegawai Masjid.

4. Arahan ini hendaklah **berkuatkuasa mulai 1 Ogos 2020**.

5. Atas perhatian dan kerjasama pihak Yang Berbahagia Datuk/Tuan/Puan dalam hal ini, kami merakamkan ucapan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih.

Sekian.

"PEMACU KECEMERLANGAN UMMAH"
"BERSATU BERSAHA BERBAKTI"
"AN HONOUR TO SERVE"


(HAJI KHALID BIN HAJI IBRAHIM)
Setiausaha
Majlis Islam Sarawak